

06 MAR 2001

Malaysia-Filipina (Fokus Berita)

LAWATAN WAKIL KHAS ARROYO UNTUK PERKUKUHKAN SEMULA HUBUNGAN DENGAN MALAYSIA

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Langkah Presiden Filipina Gloria Macapagal-Arroyo menghantar wakil khasnya ke Malaysia dijangka memperkukuhkan semula hubungan Kuala Lumpur-Manila.

Lawatan Roberto R.Romulo dan Paul G.Dominguez selama tiga hari ke Malaysia mulai esok dijangka "menyembuhkan luka" dan membuka lembaran baru dalam hubungan dua hala, seorang diplomat yang berpusat di sini memberitahu Bernama.

"Kira sekarang boleh menaruh harapan bagi kemungkinan hubungan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara akan meningkat," kata beliau.

Malaysia ialah antara pelabur terbesar di Filipina semasa pemerintahan presiden Fidel Ramos yang mempunyai hubungan rapat secara peribadi dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Apabila Estrada mengambil alih daripada Ramos pada 1998, hubungan dua hala mula menghadapi kesukaran disebabkan komennya yang memihak kepada bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini menjalani hukuman penjara.

Komennya dilihat di Malaysia sebagai mencampuri urusan dalaman negara. Estrada juga menyentuh mengenai tuntutan Manila ke atas Sabah.

Sejak Arroyo menjadi Presiden pada 20 Jan, ada tanda-tanda menunjukkan bahawa hubungan dua hala akan bertambah mesra.

Dr Mahathir ialah antara pemimpin asing yang pertama mengucapkan tahniah kepada Arroyo atas pemilihannya sebagai presiden selepas Estrada disingkirkan.

Misi perdagangan dan pelaburan mula bertambah rancak.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dijadual mengetuai misi ke Manila selama empat hari mulai esok untuk memulihkan semula hubungan perdagangan dan pelaburan yang mencapai tahan paling rendah.

Arroyo sendiri dipetik sebagai berkata isu Sabah dan isu-isu lain tidak seharusnya menjejaskan hubungan antara Filipina dan Malaysia.

Lawatan wakil khas itu, yang pertama dari Filipina sejak Arroyo menjadi presiden, bertujuan untuk memberi taklimat kepada para pemimpin Malaysia mengenai dasar-dasar pentadbiran baru, menurut kenyataan Wisma Putra hari ini.

Mereka dijadual mengunjungi Dr Mahathir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi.

Mereka dijangka membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa serta kerjasama dua hala selain menghadapi majlis jamuan malam Majlis Perniagaan Malaysia-Filipina yang diadakan oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Malaysia dan Filipina telah memperluaskan kerjasama melalui mekanisme seperti Mesyuarat Suruhanjaya Bersama dalam perdagangan dan pelaburan, komoditi, pelancongan, kebudayaan, kesihatan dan pertanian.

-- BERNAMA

ES ZAI ES FAZ